



Kerana politik, ibu sanggup halau anak perempuan.



MAHDZIR (berdiri dua dari kiri) bersama keluarganya dari kiri Maizura, 20, Noraina Shafia, 7 bulan, Fadzilah Abu Hassan Shaari, 40, (lima dari kiri) Mohd Syukry, 10, Norhidayah, 8, Syauqi Azizi, 13 dan Naziyahatul Akmar, 16, kanan sekali mengemaskan pinggan mangkuk di rumah mereka di Kampung Banggul, Sik, semalam. – Gambar oleh Rahmat Othman

Seorang ibu di SIK sanggup membuang anak perempuannya dan tidak menghalakan setitik susu ibunya hanya semata-mata kerana perbezaan politik yang sempit. Kisah menyayat hati ini berlaku di Kampung Banggol, Jeneri dekat Sik, Kedah.

Fadzilah Abu Hassan, 40 tidak menyangka ketidakhadirannya pada ceramah PAS pada 13 Februari lalu telah membangkitkan kemarahan mereka.

Beginilah lumrahnya kalau terlalu taksud dan buta tentang politik. PAS bukan sahaja menanamkan kebencian sesama Islam tetapi ia juga terbawa-bawa ke dalam keluarga ahli parti itu sendiri. Kerana keraunan fikiran mereka, langsung tidak dapat membezakan antara anak dan politik.

Yang lebih menghairankan, ibu yang sempit otaknya ni tinggal di rumah yang dibina atas bantuan Projek Perumahan Rakyat Termiskin diatas tanah orang tuanya. Siapakah yang hendak dipersalahkan - Fatwa Hadi Awang lebih banyak merosakkan fikiran orang Melayu daripada membawa menafaat. Hanya ahli-ahlinya yang buta, pekak dan tuli serta berfikiran sempit seperti "si ibu itu" sahaja yang dipengaruhinya.

Rakyat Malaysia yang matang dan berilmu sama-sekali menganggap kejadian yang berlaku itu dapat dijadikan iktibar agar mereka menghindari parti ini demi kebaikan orang Melayu